

JPKM bantu 25,000 pelajar miskin masuk U

[Abnor Hamizam Abd Manap](#)

am@hmetro.com.my



Sebahagian para pelajar mendaftarkan diri pada program Jelajah Pendidikan Prihatin Parlimen Jelevu, yang dirasmikan oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid hari ini. FOTO BERNAMA

Jelevu: Seramai lebih 25,000 pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dibantu Yayasan Prihatin Nasional (PRIHATIN) bagi melanjutkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Melalui penganjuran Program Jelajah Pendidikan Keluarga Malaysia (JPKM) 2022, rata-rata pelajar dari golongan miskin atau sederhana ini dibantu mendapat tempat di IPT awam dan swasta.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, inisiatif kerajaan dalam membantu pelajar daripada golongan B40 membabitkan penduduk luar bandar di beberapa Parlimen itu, mendapat sambutan menggalakkan.

Beliau yang juga menteri mentor Program Jelajah Pendidikan Keluarga Malaysia (JPKM) berkata, matlamat program ini adalah bagi membolehkan pelajar yang memiliki kelulusan (dalam peperiksaan) ditawarkan tempat di IPTA atau swasta.

"Siri ketiga program kali ini bermula di daerah Jelevu ini dan difahamkan lebih 70 pelajar di sini juga telah diberikan surat tawaran bagi menyambung pengajian," katanya selepas merasmikan JPKM Parlimen Jelevu di Pekarangan Kompleks UMNO Bahagian Jelevu di Simpang Pertang di sini, tadi.

Terdahulu Mahdzir berucap pada program JPKM Peringkat Parlimen Jelevu yang turut dihadiri Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Jalaluddin Alias merangkap ahli Parlimen Jelevu serta Ketua Pegawai Eksekutif PRIHATIN Datuk Mohd Aizuddin Ghazali.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob meminta seramai 50,000 pelajar dibantu tahun ini sama ada untuk mereka memperolehi Sijil, Diploma ataupun Ijazah Sarjana Muda," katanya.

Sementara itu, Jalaluddin berkata JPKM memberi manfaat dengan memberikan peluang kedua bagi anak-anak Keluarga Malaysia melanjutkan pelajaran supaya dapat mengubah masa depan keluarga kepada lebih baik dan cemerlang.

Dalam pada itu, menerusi program itu pihak PRIHATIN turut menjalankan inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) menerusi sumbangan cermin mata serta komputer riba kepada pelajar.

Program itu turut membabitkan 38 IPT antaranya Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Kolej Univerisiti Poly-Tech Mara (KUPTM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Disiarkan pada: Ogos 14, 2022 @ 5:44pm